

17 Julai, 1981

**"Selamat
bersara"**

**"Selamat
Berkhidmat"**

MULAI pukul 11.00 pagi ini (Julai 18, 1981), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed (yang baru-baru ini menjadi Presiden UMNO tanpa berunding) secara rasmi dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke IV untuk menggantikan Perdana Menteri yang ke III, iaitu Tun Hussein Onn (yang secara ikhlas dan sukarela meletak jawatan).

P e n u l i s menyertai berjuta-juta rakyat di negara ini untuk mengucapkan dengan ikhlas "Selamat Bersara" kepada Tun Hussein dan "Selamat Berkhidmat" kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Belain dari itu, penulis jua berdoa semoga Tuhan Yang Maha Kuasa melanjutkan usia dan memperlingkungi kesihatan mereka berdua — dan dengan itu akan membolehkan pemimpin yang telah bersara itu berehat panjang dan "berasa lapang" dalam erikata yang sebenarnya, dan pemimpin yang baru pula berkhidmat kepada rakyat dan negara tanpa terganggu kesihatannya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia